



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA  
ISTANA KEHAKIMAN  
PUTRAJAYA**

**KENYATAAN MEDIA**

**PENGENALAN SISTEM PENGURUSAN ADUAN AWAM (SisPAA) BAGI  
PEJABAT KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA  
MULAI 1 NOVEMBER 2020**

Bermula 1 November 2020, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP) dan Mahkamah seluruh Malaysia akan menggunakan Sistem Pengurusan Aduan Awam (SisPAA) sebagai medium pengurusan aduan dan pertanyaan awam bagi menggantikan sistem e-Aduan/e-Pertanyaan yang digunakan sebelum ini.

Orang awam boleh membuat aduan dan mengemukakan pertanyaan dengan melayari portal SisPAA PKPMP di <https://kehakiman.spab.gov.my>. Panduan Penggunaan SisPAA PKPMP juga disediakan bagi memudahkan pengguna mengakses SisPAA PKPMP.

SisPAA PKPMP ini adalah suatu projek kerjasama di antara PKPMP dan Biro Pengaduan Awam Jabatan Perdana Menteri bagi memperbaiki mutu perkhidmatan dan penyampaian kepada pelanggan selaras dengan penggunaan teknologi terkini. SisPAA PKPMP adalah suatu sistem yang diuruskan sepenuhnya secara dalam talian.

PKPMP berharap dengan penggunaan SisPAA PKPMP ini dapat mencapai objektif utama pengurusan aduan awam iaitu mempercepat dan memudahkan proses penyampaian maklum balas.

Terima kasih.

**Pejabat Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
Putrajaya**

**Tarikh: 30 Oktober 2020**